

Anwar sifatkan Muhyiddin sebagai 'kepala parti lompat'

Pengerusi PN tak layak cabar kerajaan isytihar enam kerusi Parlimen kosong

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bg.com.my

Bukit Mertajam: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai 'kepala parti lompat', sekali gus tidak layak mencabar kerajaan mengisytihar enam kerusi Parlimen disandang wakil rakyat BERSATU sebagai kosong.

Turut menyifatkan Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu sebagai 'pakar lompat', beliau berkata, Muhyiddin juga tidak layak mencabar kerajaan mengisytihar kekosongan satu kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), juga disandang wakil BERSATU yang menyokong kerajaan.

Anwar berkata, keputusan sama ada pengosongan enam kerusi Parlimen dan satu kerusi DUN itu sepatutnya dibuat penyandang kerusi, manakala Muhyiddin selaku Presiden BERSATU tidak boleh membuat keputusan, termasuk mencabar Kerajaan Perpaduan yang disokong wakil rakyat terbabit.

"Kepala parti lompat hendak cadang (pengosongan enam kerusi Parlimen dan satu DUN), terpulung kepada Ahli Parlimen itu, kenapa tanya saya?"

"Dia (Muhyiddin) yang pakar



Anwar berbual dengan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (dua dari kiri); Ketua Polis Negara, Tan Sri Razaruddin Husain (dua dari kanan) dan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay pada Majlis Ramah Mesra di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam, semalam. (Foto bernama)

pergi lompat dan *scheme of things*. Itu dia patut jawab, mengapa orang sudah hilang keyakinan kepada BERSATU," katanya kepada media pada Majlis Ramah Mesra Bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Masyarakat, di sini semalam.

Cabar kerajaan

Terdahulu, Muhyiddin dalam ucapan pada Konvensyen Wakil Rakyat PN 2024 di ibu negara semalam, mencabar Kerajaan Perpaduan pimpinan Anwar mengisytiharkan enam kerusi Parlimen dan satu kerusi DUN

disandang wakil BERSATU dikosongkan.

Kata Ahli Parlimen Pagoh itu, ia berikutan Ahli Parlimen dan ADUN terbabit beralih pendirian dengan menyatakan sokongan kepada pihak lawan, sekali gus mandat perlu dikembalikan kepada rakyat menerusi pilihan raya kecil (PRK).

"Jika berani, isytihar enam kerusi Parlimen dan satu kerusi DUN Selangor itu kosong. Kembalikan mandat kepada rakyat, biar rakyat buat perhitungan. Saya bukan nak dabik dada, tapi saya yakin, insya-Allah PN akan

menang lebih besar di kerusi-kerusi ini jika PRK diadakan," kata Muhyiddin.

Enam Ahli Parlimen daripada BERSATU yang telah mengisytiharkan sokongan kepada Perdana Menteri ialah Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang), Mohd Azizi Abu Naim (Gua Musang) dan Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (Tanjong Karang).

Selain itu, Zahari Kechik (Jeli), Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar) dan Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman (Labuan).

ADUN terbabit pula adalah Datuk Abdul Rashid Asari (Selat Klang) yang juga bekas Ketua Badan Pimpinan BERSATU Selangor, yang mengisytiharkan sokongan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, baru-baru ini.

Sabtu minggu lalu, Perhimpunan Agung Khas BERSATU meluluskan pindaan Perkara 10 perlembagaannya bagi melucutkan serta-merta keahlian wakil rakyatnya jika menyatakan sokongan kepada mana-mana pihak yang bertentangan dengan arahan atau pendirian parti.